

11/08/2001

Pelajar Melayu usah percaya dakyah pembangkang

JOHOR BAHRU, Jumaat - Hak dan kepentingan pelajar Melayu tetap dipelihara jika kerajaan memperkenalkan dasar meritokrasi untuk kemasukan ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA), tahun depan.

Sehubungan itu, pelajar Melayu tidak perlu bimbang dan jangan terpengaruh dengan hasutan pembangkang yang menyatakan dasar berkenaan akan menyebabkan mereka terpinggir, jika diperkenalkan kelak.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Datuk Mahadzir Mohd Khir, berkata pelajar Melayu tidak perlu bimbang kerana peluang mereka tetap terbuka asalkan mencapai keputusan cemerlang.

"Perlu dijelaskan di sini, dasar meritokrasi bukan mahu meminggirkan pelajar Bumiputera, sebaliknya mereka perlu muncul sebagai pelajar cemerlang sebelum layak memasuki IPTA.

"Oleh itu, mulai sekarang mereka perlu bersaing mencapai kecemerlangan dan bukan lagi mengharapkan nasib melalui sistem kuota yang diguna pakai selama ini.

"Jika ada pihak terutama pembangkang mencanangkan dasar yang akan diperkenalkan itu bertujuan meminggirkan pelajar Melayu, ia hanyalah bahan politik picisan, semata-mata mahu mengelirukan rakyat untuk memberi sokongan kepada parti mereka," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Kecemerlangan Akademik Bumiputera 2001 di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai, dekat sini, hari ini.

Seminar sehari anjuran Kolej Tun Razak yang dihadiri kira-kira 200 pelajar bertujuan menyuntik semangat mahasiswa Bumiputera mengenai pentingnya kecemerlangan akademik untuk mencapai matlamat hidup.

Kelmarin, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dipetik berkata, dasar meritokrasi bagi kemasukan pelajar Bumiputera ke IPTA akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat tanpa menjejaskan sistem kuota yang ada sekarang.

Perdana Menteri berkata, ia akan dibuat mengikut jurusan dan keperluan seawal-awalnya tahun depan, supaya pelajar memberi tumpuan kepada pelajaran dan mencapai kelulusan cemerlang.

Beliau berkata, dasar itu jika dilaksanakan sekali gus akan membawa keputusan amat teruk kepada pelajar Melayu sehingga mungkin tidak ada pelajar Melayu dalam bidang tertentu.

(END)